

## NASIONALISMA VIETNAM SEBELUM PERANG DUNIA KE-II

oleh:

NABIR BIN HJ. ABDULLAH

SALAH satu dari konsep hidup orang-orang Vietnam ialah "kesenangan melalui perjuangan"<sup>1</sup>, dan ini telah jelas dimanifestasikan oleh sejarah negeri itu. Terbitnya konsep ini adalah dari usaha-usaha mereka untuk mengekalkan kedaulatan kemerdekaan Vietnam. Biasanya kemerdekaan bererti kesenangan, biarpun tidak materi bentuknya, tetapi cukup juga hanya dengan sifat saikolajinya.

Sejak kelahiran negeri itu, kira-kira tiga abad sebelum Maschi, ianya telah berjuang menghadapi musuh besar dari utara, yaitu negeri China. Kesenangan yang sangat dipertahankan itu tumpas juga apabila China dapat menawan negeri itu buat selama kira-kira sepuluh abad. Kerana mahukan kesenangan itu, maka tidak putus-putus percubaan rakyat Vietnam untuk menghalau kuasa China dari bumi mereka. Kejayaan telah mereka capai pada tahun 939. Selepas itu kesenangan itu dapat mereka perkekalkan walaupun berkali-kali pula China cuba kembali menakluk. Hanya kemudiannya, diabad ke-19, Peranchis berhasil menjajah Vietnam.

Dari waktu awal penjajahan China hinggalah kedatangan Peranchis, Vietnam masih terikat dan agak tunduk kepada kekuasaan dan tamaddun dari utara itu. Tempuh yang begitu lama telah dengan banyak dan meluasnya pengaruh China meresap masuk ke dalam kehidupan rakyat Vietnam.<sup>2</sup> Gabnor-gabnor China terutamanya, telah membentuk birokrasi Mandarin dan memperkenalkan nilai nilai Konfusius serta bentuk kelasik tulisan China.<sup>3</sup> Selain daripada golongan pentadbir China ini kebudayaan China juga di bawa masuk oleh pelarian-pelarian, para cendekiawan, pegawai-pegawai yang terbuang, askar-askar yang lari, ahli pertukangan, saudagar-saudagar serta buruh-buruh dari negeri China.<sup>4</sup> Mereka ini telah menyampaikan ketinggian tamaddun China ke dalam masyarakat Vietnam. Sungguhpun begitu tidaklah pula bermakna bahawa orang Vietnam telah menjadi China, malah orang-orang Vietnam dengan tabah dan keras hati mengekalkan bahasa percakapan mereka dan sikap berasingan mereka dari orang-orang China.<sup>5</sup>

Tamaddun China, kemajuan teknologinya telah membaiki asas-asas ekonomi pertanian Vietnam. Ini membantu memperkayakan negeri itu. Walau bagaimanapun kekayaan itu hanya membantu menambah kemajuan di peringkat pentadbiran tetapi tidak merobah dan membaiki kedudukan dan penghidupan rakyat petani.

<sup>1</sup>Beberapa konsep hidup ini telah ditonjolkan oleh pengkaji sejarah Vietnam sendiri. Mereka ini telah diperbincangkan oleh Alexander Woodside dalam artikelnya, "Ideology and Integration in Post Colonial Vietnamese Nationalism." *Pacific Affairs*, vol. XLIX, No. 4, 1971/72, h. 489-491.

<sup>2</sup>Roy Jumper and M.W. Normand, "Vietnam: Its Historical Background", dlm: M.E. Gettleman (ed), *Vietnam, History Documents, and Opinions on a Major World Crisis*, New American Library, New York, 1970, h. 24.

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>Chester Bain, "The History of Vietnam from the French Penetration to 1939," Ph.D. dissertation, American University, 1956, h. 48.

<sup>5</sup>*Ibid.* h. 51.

Keadaan inilah yang menyebabkan berlaku penentangan rakyat terhadap golongan atas tempatan dan pentadbir penjajah China. Adanya penentangan-penentangan ini telah mengujudkan perasaan "esprit de corp" dan kommunalistik di kalangan orang Vietnam.

Sikap yang membedakan identiti mereka (orang Vietnam) dari orang-orang China adalah menunjukkan bahawa orang-orang Vietnam punya patriotisma yang tinggi, lantas mengujudkan *xenophobia* (benci pada yang asing/orang asing).<sup>6</sup> Dengan ini nyatalah bahawa unsur-unsur nasionalisma telah lama ada dalam masyarakat Vietnam. Apatah lagi apabila masyarakat negeri itu dapat mengagakkan kerajaan yang bebas dari kuasa luar untuk sekian lama setelah menghalau kuasa China keluar. Faktor-faktor ini bersama dengan faktor adat dan ugama telah mengujudkan rakyat Vietnam yang "profoundly social, strikingly non-individualistic race." Oleh yang demikian maka tidaklah menghairankan apabila penentangan orang Vietnam keatas kedatangan dan penjajahan Peranchis sangat menampakkan ciri-ciri patriotisma dan *xenophobia* yang tinggi.

### **Sebab-sebab Vietnam Jatuh Ketangan Peranchis:**

Ada tiga sebab utama membolehkan Peranchis menguasai Vietnam khususnya dan Indo-China amnya.

#### **1. PERTELINGKAHAN DINASTI.**

Sungguhpun kesenangan (bebas dari jajahan kuasa luar) diperolehi, tetapi pemerintahan sendiri yang ujud (bermula dari abad ke-10) tidaklah pula sunyi dari kekacauan, perkelahian antara puak-puak yang berkuasa (bercorak birokrasi Mandarin) dan pertentangan antara keluarga-keluarga berpengaruh. Yang menjamin integriti mereka ialah golongan tani yang tunduk kepada mana-mana pihak yang memegang kuasa dan kuat mengamalkan hidup kekeluargaan (extended family). Keadaan yang tidak bersatu ini telah memudahkan pada tahun-tahun 1770an mereka dikalahkan oleh tiga bersaudara dalam pemberontakan yang dikenal sebagai pemberontakan Tay Son. Hampir dua puluh tahun kemudian, yaitu pada kira-kira 1802 baharulah kuasa lama dapat ditegakkan kembali oleh Gia Long (1802-1820). Ketika pemerintahan Gia Long inilah pihak Peranchis telah dapat memulakan pengaruhnya keatas Vietnam.

#### **2. PEMBUNUHAN MISSIONARI**

Orang Vietnam sentiasa menganggap golongan pengembang agama Keristian (missionari) sebagai salah satu ejen kepada pencerobohan tentera barat. Perangka ini semakin kuat apabila berlakunya perang Inggeris-Burma pertama dan mulalah semua missionari dianggap sebagai anasir-anasir subersif. Apabila berlaku pemberontakan di tahun-tahun 1826-27 dan 1833 di selatan Vietnam dan disyaki ada terlibatnya golongan missionari dengan kejadian-kejadian itu maka hukuman-hukuman mati dikenakan kepada mereka. Hukuman keatas missionari ini menerima sokongan yang kuat dari kalangan pentadbir (Mandarin) yang memegang kepada faham Konfusius. Sikap anti-missionari dan hukuman-hukuman keatas orang Keristian ini telah memarahkan orang barat khususnya Peranchis.

---

<sup>6</sup>Mereka sering mendakwa bahawa asal mereka dari saekor naga dan perempuan yang hidup abadi (immortal female). Mereka sangat memuja dan mengagungkan para patriotisma mereka yang telah terkorban untuk negeri. Lihat Joseph Buttinger, *Vietnam: Political History*, 1972, dan Virginia Thompson, *French Indo-China*, Octagon Book Corp., New York, 1968, h. 236-240.

Diatas faktor inilah dikatakan Perancis terpaksa bertindak keatas Vietnam dan akhirnya menakluk negeri itu.

### 3. KEBANGKITAN IMPERIALISMA

Kegiatan-kegiatan kuasa barat lain, Inggeris, Belanda, Sepanyol dan lain-lain telah juga menggalakkan Perancis untuk memperluaskan jajahan mereka di seberang laut. Keadaan yang kembali tenteram di dalam politik Perancis dan perkembangan-perkembangan rebolusi perindustrian di barat telah juga membolehkan Perancis menggerakkan jentera peluasannya di seberang laut.

Umumnya orang-orang Perancis tidaklah sangat berminat dalam kerja-kerja penjajahan. Mengikuti Raymond F. Betts dalam bukunya "Assimilation and Association in French Colonial Theory 1890-1914," katanya:

"In fact, French overseas expansion aroused little enthusiasm among the French people of the 19th. century ... In reality the French people were not asked to initiate a policy of overseas expansion but rather to accept it."<sup>8</sup>

Dalam pada itu sikap terhadap penjajahan beransur-ansur berubah. Orang-orang seperti Jules Ferry (Perdana Menteri Perancis 1881 dan 1883/85), Gabriel Hanotaux (Pegawai Quai d'Orsay/Tanah Jajahan, 1889/94) lebih gemar kepada peluasan tanah jajahan. Disamping itu ujud pula beberapa persatuan yang menyokong peluasan kawasan di tahun-tahun 1880an. Tetapi yang tulin mempersoalkan perkara peluasan kawasan ialah sebuah persatuan yang menamakan diri mereka "Colonial Party" yang bergerak serampang dua mata.<sup>9</sup> Diikuti kemudian oleh badan yang bernama *Union Coloniale* yang ujud pada 1894. "Union Coloniale" didukung oleh kumpulan kewangan atau pemodal, saudagar, pedagang dan seumpamanya yang memberi perhatian berat kepada memajukan Indo-China terutamanya dalam soal ekonomi.

Sehingga ketahun 1905 terdapat 35 buah persatuan yang mengejar cita-cita penjajahan. Disamping itu berberapa orang Gabenor-Jeneral Indo-China juga menjalankan dasar menggalakkan peluasan kawasan. Orang yang utama pada akhir abad ke-19 ialah Paul Doumer. Beliau dapatlah dikatakan sebagai arkitek yang menggalakkan eksploitasi keatas tanah jajahan itu.

Dasar Perancis sepanjang waktu ini adalah "dasar asimilasi" yang bererti:

"... that the colony was to become an integral, if not contiguous, part of the mother country, with its society and population made over to whatever extent possible in her (French) image."<sup>10</sup>

Umumnya mendampirkan Vietnam dengan tamaddun Perancis dan memberi peluang baik bagi orang-orang Vietnam memasuki pentadbiran-pentadbiran penjajahan (Perancis) di Vietnam sendiri. Dasar ini adalah satu doktrin tradisi Perancis yang berpandu kepada:

<sup>7</sup>J. Buttinger, *op.cit.* h. 15.

<sup>8</sup>Raymond F. Betts, *Assimilation and Association in French Colonial Theory 1890-1914* Columbia University Press, New York, 1961, h. 2-3.

<sup>9</sup>Ianya bergiat melalui dua ejen: membentuk persatuan-persatuan penjajahan; dan, membentuk kumpulan-kumpulan penjajahan yang bergiat dalam Chamber of Deputies Perancis. Lihat: R.F. Betts, *op.cit.* b. 5-7.

<sup>10</sup>R.F. Betts, *op.cit.* h. 6-12.

"believe in love of order, man's equality, ever present desire to spread French culture ... and common legislation."<sup>11</sup>

dan "*Notre particularite, c'est notre universalite*".<sup>12</sup>

Tetapi kemudiannya, pada dekad satu dan dua abad ke-20, asimilasi telah ditentang sebagai "rigid, unscientific, harmful ... and no longer of any value."<sup>13</sup> Dan polisi yang baru ini ialah Assosiasi dimana ianya memikirkan bahawa faktor yang menentukan penjajahan ialah faktor ilmu alam, corak kaum dan keadaan perhubungan sosial satu-satu wilayah yang ditakluki itu. Assosiasi juga mementingkan soal kebebasan evolusi kumpulan-kumpulan kaum bumiputera haruslah sejajar dengan nilai mereka sendiri. Bermakna disini kerjasama antara penjajah dan yang dijajah adalah perlu. Ini hanya akan berlaku sekiranya institusi-institusi bumiputera diperkekalkan dan diberi juga serba sedikit kuasa sendiri (otonomi).

Oleh kerana dasar asimilasi yang dahulu tiba ke Indo-China, khususnya Vietnam, dan pentadbiran awal dikuasai oleh panglima-panglima perang (laut) Perancis (1867-1879) sebelum pentadbiran dari pegawai-pegawai awam, maka apa yang diperkenalkan oleh Perancis di Vietnam baikpun ekonomi, politik atau sosial, adalah melumpuhkan bentuk dan tradisi tempatan. Lahirlah kemudiannya, "a poorly integrated society in which small, urban-oriented, Westernized elite, was largely alienated from the bulk of the village-based population."<sup>14</sup> Kelumpuhan ini diperhebatkan lagi apabila kuasa-kuasa pemerintahan sangat banyak dipegang oleh pegawai-pegawai Perancis terutamanya diperingkat-peringkat wilayah dan daerah.

Kehilangan pemerintahan bentuk tradisi ini pasti telah menyebabkan orang-orang Vietnam marah, terutamanya mereka dari kalangan mandarin. Perasaan benci kepada Perancis semakin hebat dengan beberapa dasar lain seperti didalam bidang pelajaran dan ekonomi. Kira-kira 85 peratus masyarakat Vietnam ada terdiri dari orang Annam.<sup>15</sup> Beralih kepada sejarahnya, masyarakat Indo-China yang *homogeneous* ini, mempunyai sistem pendidikan yang begitu dalam berteras, tersusun dan berfungsi sejak sekian lama. Semuanya ini diterima dari pengaruh asimilasi negara China, baikpun pendidikan bidang politik, kebudayaan dan ekonomi. Pendidikan ini berkait rapat dengan sistem mandarin (bererti soal pemerintahan), yang memilih kelayakan seseorang itu melalui ujian-ujian yang diadakan sebanyak empat peringkat (daerah, wilayah, kebangsaan dan istana).<sup>16</sup> Oleh sebab ujian ini bersifat piramid, maka soal pendidikan adalah tersebar hampir menyeluruh dalam struktur masyarakat yang juga hampir bersifat piramid.<sup>17</sup> Penggunaan sistem mandarin ini juga bermakna huruf China diterima dalam penulisan bahasa masyarakat Vietnam, walaupun begitu, "Vietnamese language remained stubbornly particular and inner-directed."<sup>18</sup>

<sup>11</sup> R.F. Betts, *op.cit.* h. 12

<sup>12</sup> Arthur Girault, *Principes de Colonisation et de Legislation Coloniale*, (1st. ed), Paris, 1895.

<sup>13</sup> Betts, *op.cit.* h. 8/9.

<sup>14</sup> Marcin E. Gettleman, *op.cit.* h. 32.

<sup>15</sup> Maydham, *Native Education*, Oxford University Press, London, 1933 h. 2.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> John T. McAlister Jr., *Vietnam: The Origins of Revolution*, h. 89-94.

<sup>18</sup> David G. Marr, *Vietnam: Anti-Colonialism*. London, 1967, h. 32.

Dasar asimilasi Perancis terutamanya telah tidak menyokong pendidikan tradisi kerana dianggap tidak tamaddun dan kurang nilai "pour de la vie pratique"<sup>19</sup> Lantas Perancis menggantikan pelajaran tradisi itu dengan kurikulum barat, dan mengenyahkan bentuk asas moral dan falsafah bumiputera.<sup>20</sup> Tetapi apa yang dibuat oleh Perancis adalah kurang dalam soal-soal moral yang cocok dengan masyarakat tempatan, kurang alat, kurang bangunan dan tidak bersih, serta kurang sekali buku-buku bacaan yang sesuai.<sup>21</sup> Apatah lagi apabila pendidikan itu diajarkan melalui satu bahasa/pengantar baru, yaitu *Quoc Ngu*<sup>22</sup> yang sangat asing kepada rakyat Vietnam. Hasilnya, bukanlah seperti apa yang dikehendaki tetapi melahirkan dan menambahkan orang buta huruf, terpisah dari tradisi, kesusasteraan dan kebudayaan lama, serta merenggangkan anak-anak dari nilai kekeluargaan yang erat sebelum itu. Walau pun terdapat mereka yang berjaya diassimilasikan, malah ada yang diberi kewarganegaraan Perancis, tetapi jumlah mereka tidaklah ramai dan suara mereka untuk berpolitik tidak ada langsung.

Vietnam telah dibahagikan kepada daerah-daerah pentadbiran iaitu Annam, Cochinchina dan Tongking. Sungguhpun ini melanjutkan corak pembahagian cara lama (regionalism and parochialism), tetapi dasar Perancis yang berbeza-beda antara daerah-daerah itu telah menimbulkan perpecahan masyarakat Vietnam. Tongking mengalami pentadbiran cara langsung Perancis. Cochinchina dan Annam lebih secara pentadbiran tidak langsung. Perbezaan ini kemudiannya telah menyebabkan tidak berlakunya gabungan tenaga dalam gerakan-gerakan penentangan terhadap Perancis seluruh Vietnam.

- |           |   |  |
|-----------|---|--|
| (Tongking | — | pentadbiran cara langsung dan berpusat menggantikan kuasa wazir (kerajaan tradisi).  |
| Annam     | — | kuasa maharaja dikurangkan dengan dibilangkan golongan pentadbir tradisi/golongan mandarin.  |
| C. China  | — | Pentadbiran secara tidak langsung diamalkan pada teorinya iaitu dengan bekerjasama dengan golongan mandarin. Tetapi pada praktiknya, oleh kerana dasar tidak bekerjasama golongan mandarin menyebabkan Perancis lebih menjadikan pentadbiran cara langsung). |

Kuasa otonomi kampung yang asalnya menjadi organ yang menyatukan tenaga kuasa dan kerja masyarakat telah hapus apabila beberapa pembaruan dilaksanakan oleh Perancis. Pembaruan-pembaruan ini melemahkan kepimpinan tradisi perkampungan dan sebaliknya menambah kuasa autonomi individual anggota kampung yaitu dengan mencipta institusi pentadbiran yang baru dari peringkat bawah (perkampungan hingga ke peringkat atas/pusat). Dengan hal yang demikian maka timbullah perpecahan dalam kesatuan masyarakat tradisi Vietnam. Ini ditambah pula dengan tidak wujudnya (tidak dibentuk oleh Perancis) badan-badan yang menjadi penjalin hubungan sosial/badan-badan yang menitik beratkan

<sup>19</sup>J.S. Furnivall, *Educational Progress In Southeast Asia*, University Microfilms United High Wycomb, England, A Xerox Company, Ann Arbor, Michigan, U. States, 1973, h. 39.

<sup>20</sup>C.A. Bain, *op.cit.*, h. 96-7. Kata Mehden, Dasar asimilasi Perancis pasti melibatkan dasar pelajaran kerana demi melancarkan perjalanan usaha mengassimilasikan orang-orang Vietnam perlu, terutamanya melalui sekolah, diajar idea-idea, moral, perusahaan dan pengetahuan saintifik. Perancis. Lihat: Fred vander Mehden, *Politics of the Developing Nation*. Prentice-Hall Inc. N. Jersey, 1969, Hal. 14, 24-26.

<sup>21</sup>Mehden, *op.cit.*, hal. 24-26; dan V. P. Thompson, *op. cit.*, h. 286.

<sup>22</sup>*Quoc Ngu* mula direka (dalam alphabet Roman) oleh paderi Portugis dan Itali. Kemudian paderi Alexandre de Rhodes (1615) yang cepat faham bahasa Vietnam membaiki tulisan yang dikenalnya dijadikan *Quoc Ngu*. Lihat. Bain, *op.cit.* h. 73.

masaalah sosial masyarakat. Ini tentu kemudiannya mencetuskan penentangan yang meluas seperti yang akan diperlihatkan oleh penulisan seterusnya.

Manakala dalam bidang pentadbiran/politik, orang-orang Vietnam telah di sekat dari memegang apa-apa peranan utama ataupun memegang apa-apa pengaruh. Kuasa terletak ditangan pentadbir Peranchis dipusat pentadbiran. Polisi lebih banyak dirangka di negeri Peranchis sendiri dan kadang-kadang dilaksanakan secara "ministerial decrees."

Dibidang ekonomi, pihak Peranchis telah menambah jurang antara yang kaya dengan yang miskin terutamanya dalam soal pembahagian milek tanah. Tuan-tuan tanah mendapat lebih lagi manakala petani-petani terpaksa bertungkus lumus untuk hidup yang lebih selesa. Mereka dapat dikatakan telah menjadi seperti hamba kepada tuan-tuan tanah. Ekonomi telah dimodenkan oleh Peranchis dengan pengenalan cara-cara moden perindustrian dan infrastruktur tetapi semuanya itu adalah untuk kesenangan eksploitasi dan tidak pun sampai kemudahan untuk peringkat bawah rakyat (separuh jalan). Ini terlantas menunjukkan keadaan negeri yang tidak stabil dan tidak juga aman.

Di Vietnam utara lebih *industrial*. Di selatan lebih pertanian. Ini juga menjadikan pengkhususan dalam perekonomian wilayah yang juga mengujukkan pengkhususan dalam kerja masyarakat antara dua wilayah—Sesuatu yang tidak baik untuk penyatuan dan pergerakan masyarakat Vietnam. Pada tahun 1938, 2.3 juta dari 5.1 juta hectare tanah pertanian di Cochin China di punyai oleh 2.5% sahaja dari jumlah tuan tanah. Manakala 70% (183,000 orang) tuan tanah adalah petani-petani kecil yang mengusahakan hanya seluas 15% (760,000 hectare) daripada 5.1 juta hectare tadi. Lebih burok lagi ialah, terdapat sebanyak 354,000 keluarga yang tidak mempunyai tanah langsung.

Pada tahun 1934, 800 pemilek-pemilek kecil mengusahakan  $\frac{1}{3}$  tanah per-usahaan getah manakala 19 kompeni besar menguasai  $\frac{2}{3}$  tanah ladang getah. Oleh kerana ladang-ladang kompeni ini memerlukan 20,000 orang buruh, dan orang-orang Vietnam tidak gemar menjadi buruh kompeni, maka ujud sistem buruh paksa (*corvee*) yang dilatih dengan kejam oleh *cai*.

Dibidang perlombongan, peningkatan eksploitasi juga sangat besar. Pada 1925 hanya 1,825 lombong yang diizinkan tetapi jumlah ini menjadi 11,587, empat tahun kemudian. Suatu eksploitasi ekonomi yang mencuri dan merugikau kekayaan Vietnam.<sup>23</sup>

Perindustrian dan perladangan yang besar dan luas telah menambah golongan proletariat. Pertambahan gulungan ini menambahkan pula keadaan yang tidak stabil. Hal begini berlaku di Vietnam waktu itu kerana pihak Peranchis tidak melakukan dengan sempurna pembaikan-pembaikan ekonomi demi kepentingan gulungan proletariat. Keengganan Peranchis mengadakan pembaikan-pembaikan berpunca dari rasa takut kalau nanti satu gulungan menengah (orang Vietnam) mempunyai kesedaran — lantas menimbulkan pula penentangan terhadap keburukan pentadbiran Peranchis.

Bidang kehakiman dan bidang sosial tradisional juga rosak dibawah pentadbiran Peranchis. Kuasa Raja tradisi luput (terutamanya di Annam). Golongan mandarin yang masih diperkekalkan Peranchis hanya menjadi alat kepada Peranchis sahaja.

<sup>23</sup>Buttinger: A Political History, *op. cit.*, h. 160-170.

Kerja-kerja khidmat awam dibuat, tetapi ongkosnya disediakan oleh rakyat yang membayarnya melalui beberapa cukai yang dilaksanakan (secara langsung atau tidak langsung). Pembinaan jalan dan sebagainya bukan sangat untuk kebaikan rakyat tetapi lebih merupakan kepentingan politik, pentadbiran, pertahanan dan prestij Peranchis.

Penduduk bertambah tetapi *standard of living* jatuh kerana kurang pelaksanaan kebajikan untuk rakyat seperti pelajaran, perubatan dan sebagainya. Disamping itu penukaran sosial tradisi kepada yang baru tidak pula harmoni. Kuasa kampung diganti dengan pengaruh mereka yang berpendidikan dan pembawaan bandar. Penukaran juga selalunya dilaksanakan dengan mengejut, tidak ansur-ansur (tidak berlandasan kukuh). Oleh hal yang demikian mendatangkan kekecohan dalam kehidupan dan melahirkan masyarakat yang tidak bersatu padu.

Inilah keadaan yang dicipta oleh Peranchis di Vietnam sehingga kemudiannya mengujudkan perasaan kebangsaan yang tebal.

### **Nasionalisma Vietnam:**

Biasanya nasionalisma Vietnam dibahagi kepada tiga peringkat. Pertama, penentangan bercorak tradisi dibawah pimpinan golongan mandarin (1830-1890an). Kedua, bercorak berpersatuan/pra-parti politik (1900-1920an). Ketiga parti politik samada yang sederhana atau yang eksterim (1920-1940).

Penentangan terhadap penjajahan Peranchis bermula dengan teratur dan agak menyeluruh pada tahun-tahun 1880an. Ianya berlaku dari masa kemasa dan dari daerah ke daerah. Semasa penaklukan Peranchis ketas Vietnam, Raja Vietnam telah melarikan diri kepergunungan bersama Raja Mahkota, Ton That Thuyet dan menubuhkan angkatan perang untuk melawan Peranchis. Walau bagaimana pun ada juga dikalangan golongan mandarin yang anti dan yang pro-Peranchis sehingga mengujudkan perpecahan diantara mereka.

Penentangan terhadap Peranchis telah banyak mengorbankan jiwa termasuklah jiwa bakal-bakal ganti raja Vietnam. Sehingga Ham Nghi mengistiharkan dirinya pengganti raja yang sah maka baharulah hampir kesemua golongan mandarin dan para cendikiawan mengaku taat kepada pemerintahan dan bermulalah penentangan yang lebih kuat dan bersatu.

Pada tahun 1888, Raja Ham Nghi telah jatuh kalah kepada Peranchis kerana adanya pembelotan. Dengan itu gabungan penentangan golongan mandarin jadi tamat. Walaubagaimanapun dasar tidak kerjasama dengan Peranchis terus mereka amalkan. Setengah daripada mereka bersama golongan cendikiawan yang berpengaruh telah meneruskan perjuangan dan atas kalibar mereka telah berhasil mendapat sokongan dari golongan petani.

(Di *Tongking*  
dan *Annam*)

— penentangan bermula di Tongking awal dan tamat lewat berbeza dengan Annam yang sekejap sahaja. Walaubagaimanapun diantara dua kawasan ini terdapat perbezaan dalam tujuan/matlamat perjuangan.

#### **ANNAM:**

dipimpin oleh cendikiawan persendirian yang biasanya menjadi *agitator* dan ketua.

#### **TONGKING:**

kurang ketua utama pusat dan tujuan bersama-lebih merupakan perjuangan sendiri dan kadang kala bercampur dengan kegiatan *bandit*.

COCHIN  
CHINA

— berjuang diatas landasan sendiri. Satu kultus/kepercayaan suci disebarkan oleh Ku Kombo yang dikatakan keupayaan menjual *bua* (kesaktian). Beliau berjaya membentuk satu kumpulan yang *Dao Lanh* (yang anti-Peranchis dan melalui kesaktian akan menjaga anggotanya yang akan menjaga pula kawasan-kawasan yang terpilih).

Umumnya boleh dikatakan perjuangan peringkat pertama ini tidak ada kesatuan yang memaparkan nasionalisma. Ciri nasionalisma yang ada lebih berbau patriotisma dan *xenophobia* serta kesetiaan Konfusius. Golongan Mandarin bertungkus lumus menentang Peranchis dengan harapan menjaga bentuk tradisi (status quo). Disinilah terletaknya perjuangan mereka yang berasaskan kepada konsep "Can Young" (kesetiaan kepada raja). Perjuangan yang berdasarkan kepada konsep ini telah menjadi tamat dengan matinya pejuang utama Phan Dinh Phung 1896. Dengan kematiannya maka corak perjuangan menentang Peranchis juga mula bertukar corak, memasuki peringkat kedua.

Dalam peringkat kedua ini dua tokoh memainkan peranan utama. Mereka itu ialah Phan Boi Chau dan Phan Chau Trinh. Phan Boi Chau lebih merupakan orang yang memperjuangkan bentuk tradisi dalam idea/suasana dan kehendak baru. Usahanya dapat dikatakan sebagai "Reforming Monarchy." Beliau percaya bahawa untuk menyelamatkan Vietnam dan membebaskan Vietnam dari Peranchis ialah dengan cara membuat *reform* terhadap *monarchy*/kuasa raja. Oleh yang demikian maka ada dua cara bagi menjayakan usahanya.

A. Menghidupkan kembali dan meletakkan kembali raja dan kuasanya se-cocok dengan apa yang berlaku dalam Restorasi Meiji. Cara ini tidak memerlukan rebolusi politik bagi Vietnam. Kerana itulah maka Phan Boi Chau telah membawa/menyelamatkan Raja (*Prince Cuong de*) ke Tokyo pada April 1906. Tetapi cara pertama ini nampaknya tidak berjaya.

B. Cara Phan Boi Chau kedua ialah dengan mendapatkan bantuan dari luar samada Jepun, China, Korea dan Filipina. Bantuan dari "perevolusi-perevolusi" negeri-negeri itu perlu untuk menubuhkan *East-Asian League* (Liga Asia-Timur) yang berfungsi sebagai satu pakatan negeri-negeri Asia menentang kemasukan imperliasia Barat. Beliau juga mengambil inisiatif menubuhkan *Eastern Travel Movement* (di Jepun 1905). Tetapi semua ini lemah pada 1908/9 apabila Jepun berkerjasama dengan Peranchis.

Cita-cita Chau — *reformist monarchy* — tidak mencapai matlamatnya. Dari pengalaman yang dilalui dalam usahanya membuktikan bahawa monarki tidak cukup pengaruh untuk membangkitkan semangat seluruh rakyat dalam kempen melawan penjajahan luar.

Phan Boi Chau melaksanakan "monarchy reformism" dan berpandu kepada perubahan yang berlaku di Jepun (terutamanya Meiji Restoration), tetapi Phan Chau Trinh pula menjalankan gerakan reformis yang akan nanti mengujudkan negara Vietnam yang moden, bebas dan dalam corak republik demokratik. Ilham telah diperolehi oleh Trinh dari peristiwa yang banyak berlaku di negeri China. Revolusi China 1911 telah mengalakkan Trinh berusaha membentuk badan yang diberi nama *Association for the Restoration of Vietnam* yang bertujuan untuk mementingkan konsep **Can Vuong/Monarchy reformism**.

Kedua-dua mereka ini (Phan Boi Chau dan Phan Chau Trinh) sepanjang pergerakan mereka (1900-1920) sekurang-kurangnya telah menubuhkan dan meng-



galakkan penubuhan beberapa buah persatuan. Antara persatuan-persatuan itu ialah

- 1902 Modernization Society,
- 1906 The Renovation Society
- 1911 The Restoration Society; dan
- 1913 The Revival Society (menggantikan Renovation Society)

Kalau dilihat kepada nama-nama persatuan-persatuan itu maka jelas memperlihatkan:

- i) Usaha-usaha untuk membentuk keadaan kepimpinan dan masyarakat yang baru atau sesuai dengan keadaan masa.
- ii) Mereka itu (persatuan<sup>2</sup>) masih disebut persatuan-persatuan. Ini menunjukkan bahawa perjuangan mereka masih tidak bulat/sepenuhnya politik (dalam erti kata lain politik yang diterima oleh definisi sekarang/barat) — malah nama-nama itu memperlihatkan peringkat awal gerakan yang mahu mengutamakan keutuhan tempatan dan tradisi. Gerakan yang dibangunkan oleh ciri-ciri yang sedia ada dalam masyarakat itu.

Malangnya, perjuangan kedua pemimpin awal ini tidak mencapai kejayaan besar kerana mereka gagal untuk membawa masuk bersama kedalamnya golongan petani (rakyat jelata) dalam perjuangan mereka. Mereka lebih/masih mementingkan lagi golongan bandaran, mandarin dan pelajar/cendekiawan. Oleh kerana mereka mementingkan golongan tadi, maka mereka tidak dapat melihat/menjadi pemimpin kepada rakyat jelata yang lain pula bentuk-bentuk kepentingannya.

Kepentingan golongan petani ialah dalam memperjuangkan soal tanah, keadaan perburuhan dan imbalan pendapatan. Ini telah diperkatakan lebih awal tadi. Keseluruhannya, Perancis mengamalkan polisi "always put immediate profits before long-term economic considerations . . . . This led to concentration on (large scale) agriculture and extractive industries."<sup>24</sup>

**Kesimpulan Peringkat 1:** Perjuangan golongan mandarin, terpelajar dan orang ternama diperingkat awal telah disemangatkan oleh perasaan keciwa dari kehilangan negeri sendiri (*mat nuoc* / of losing one's country). Kerana itulah maka perjuangan mereka bukan sahaja politik tetapi lebih lagi atas tanggungjawab untuk menjamin hidup mereka kekal sebagai orang Vietnam. Mereka berusaha untuk membangunkan pengertian baru dan nilai hidup baru (*cuu quoc*) dari kecealan runtuhnya sistem tradisi mereka. Dari perjuangan yang begini maka persatuan-persatuan itu ujud dan semuanya ini adalah dengan harapan mereka kekal utuh sebagai orang Vietnam - semangant dan saikoloji - dengan menolak sebarang kerjasama/*collaboration* dengan Perancis.

#### **Peringkat 2:**

Dari 1919 hingga 1926 nasionalisma Vietnam lebih merupakan nasionalisma bandaran dan *Francophiles* (yang dapat/mahu bekerjasama dengan Perancis) — dan mempunyai pergerakan yang agak sederhana.

Faktor-faktor yang membentuk corak perjuangan nasionalisma Vietnam peringkat ini ialah dengan kelahiran golongan baru dikawasan bandar. Akibat perang dunia pertama dan dasar-dasar baru Perancis maka ujudlah di kawasan

<sup>24</sup>Chester Bain, "The History of Vietnam . . . .", *op.cit.* h. 71.

bandar corak "colonial society" — pekerja, pelajar, peniaga, kerani dan sebagainya dari orang-orang Vietnam yang mengikut gelagat penjajah. Mereka ini hidup dalam suasana baru penjajahan. Dari sini mereka mengorak langkah perjuangan nasional yang pasti sekali dipengaruhi oleh keadaan sekitar kehidupan mereka. Kalau diperingkat awal perjuangan, pemimpin-pemimpin perjuangan tidak mahukan *collaboration*, tetapi kini *collaboration* mulai diadakan.

Pada 1923 lahirlah dari kalangan mereka ini sebuah parti yang bernama Parti Perlembagaan (Constitutionalist Party) diasaskan oleh Duong Van Giao (peguam), Nguyen Phan Long (wartawan); dan Bui Quong Chen (jurutera pertanian dan tuan tanah). Parti ini mencuba seberapa boleh untuk mengujudkan "Franco-Vietnamese collaboration". Tetapi sebenarnya mereka (parti-parti/badan-badan pergerakan begini) tidak mendapat kejayaan, terutamanya kerana terkeluar dari arus tempatan dan jauh dari memperolehi sokongan rakyat jelata.

Ada beberapa sebab peringkat ini gagal:

1. Peringkat Francophiles ini tidak mengujudkan perpaduan/kesatuan dalam badan-badan perjuangan yang ada kerana tujuan, taktik dan ideologi mereka (nasionalis bandaran) sangat berbeza-beza: ada yang suka dengan *collaboration* secara 100% dan ada yang bersikap 100% anti-penjajahan. Antara kedua ini:
  - a) Yang suka 100% *collaboration* (atau separuh *collaboration*) adalah dari kalangan orang berharta dan selalunya berpendidikan Perancis serta burjuis bandaran.
  - b) Yang anti-penjajah adalah dari kalangan buruh/perkerja bawahan, burjuis kecil dan pendidikan tempatan. Diantara mereka ini juga tidak ada perpaduan kerana sering berlaku pertentangan dalam antara reformis dan rebolusi — yaitu yang mana satu ideologi yang harus mereka dukung sepenuhnya.
2. Ada beberapa orang daripada pentadbir tempatan Perancis yang menjalankan dasar yang baik dan sangat diterima baik oleh rakyat Vietnam. Antaranya Albert Sarraut (yang terkenal dengan aturan/kod "Public Instruction"/Pendidikan Awam) telah menyebabkan perpecahan pendapat dikalangan para pejuang. Ada yang mahu *collaboration* dan ada yang mahu terus anti-penjajah. Inilah yang melemahkan mereka.
3. Gulungan bandaran ini tidak menjadi *champion* kepada gulungan luar bandar. Malah mereka kurang mempersoalkan tentang keburukan ekonomi gulungan bawahan. (proletariat dan marhein).
4. Sikap Perancis yang menyambut dingin diatas pertumbuhan badan-badan politik. Malah sikap menghalang Perancis telah melemahkan pergerakan yang sedang tumbuh. Misalnya, halangan Perancis kepada Parti Perlembagaan untuk bercantum dengan lain pergerakan dan mencetuskan "Vietnamese People's Progressive Party" (September, 1926) telah tidak dibenarkan — lantas usaha itu gagal.
5. Salah satu lagi sebab perjuangan peringkat ini tidak mencapai kejayaan yang banyak kerana kepimpinan bandaran tidak mempunyai kepercayaan terhadap orang ramai dalam pergerakan mereka. Oleh itu kurang dibentuk cawangan-cawangan sel-sel perjuangan mereka keseluruh pelusuk negeri.
6. Dan nasionalis bandaran hanya mengharapkan kejayaan beberapa matlamat politik (termasuk juga kemerdekaan), tetapi mereka telah mengenyepikan perkara-perkara pokok seperti ekonomi, adat dan sosial dalam dakwah perjuangan mereka.

Sungguhpun banyak kelemahan kedapatan, tetapi perjuangan untuk mencapai kemerdekaan tidak pula semakin kendur atau kurang. Kemahuan kearah itu dihidupkan pula oleh beberapa faktor seperti:

1. Persuratkhabaran. Terdapat beberapa surat khabar yang berbau anti-penjajah seperti *La Cloche Felee*, *L'Annam*, *La Lutte*, *La Echo Annamite*; dan beberapa lagi. Semua ini mengekalkan api perjuangan orang Vietnam.
2. Terdapat sekelompok orang Vietnam yang dibenarkan masuk dalam Majlis Kerja Jajahan (*Council Colonial*). Mereka ini lama kelamaan mulai sedar tentang politik dan faham akan polisi Perancis yang ada antaranya tidak baik untuk Vietnam.
3. Kesedaran Kebudayaan/Tradisi. Kesedaran bahawa apa yang dibawa oleh Perancis itu berbeda dan ada yang berlawanan dengan tradisi mereka. Terutamanya dalam hubungan kekeluargaan/*clan*, dimana dasar Perancis nampaknya cuba menghabiskan hubungan itu dan mengutamakan pendirian individu.
4. Sejak 1919 keadaan ekonomi telah mulai menjadi pertimbangan berat dalam bentuk kehidupan orang Vietnam. Dari masa kemasa soal ekonomi diheret dalam pergolakan perjuangan nasionalis dari tahun 1920 hinggalah 1941. Apatah lagi dengan kejadian-kejadian kelemahan/kemelesetan ekonomi dunia (1920-22 dan 1929-1933).

### Peringkat 3:

Peringkat yang memperlihatkan kebangkitan faham komunis dalam perjuangan kebangsaan di Vietnam. Kenaikan Komunis berikutan dengan kegagalan yang dialami oleh pihak Vietnam Quoc Dan Dang (VNQDD/Parti Nasionalis Vietnam). VNQDD melalui 3 peringkat (a) peringkat embryo (b) peringkat persediaan strategy (c) peringkat kehancuran. VNQDD dipelopori oleh cendekiawan dan patriot Vietnam. Ia bermula sejak 1925 lagi tetapi hanya pada 1927 barulah rasmi bergerak dengan matlamat untuk rebolusi nasional dengan menggunakan tenaga tentera demi menggulingkan sistem feodal penjajah — dan akhirnya mengujudkan negara Vietnam yang republik demokratik. VNQDD mengambil contoh dari Sun Yet Sen/Parti Koumintang di negeri China. VNQDD menerima ahli dan sokongan dari rakyat umumnya dan bantuan dari luar negeri. Ia bergiat dikalangan pelajar, pegawai rendah kerajaan, askar, peniaga/burjuis kecil bandar dan wanita. Termasuk juga buruh dan petani. VNQDD juga meniru bentuk perjuangan Lenin, *democratic centralism*, yaitu yang mengutamakan perbincangan kolektif terhadap polisi parti disemua peringkat dan mengesyorkan corak hirarki, yang rendah mentaati yang atas; dan pilihan pemimpin dilakukan tiap-tiap 6 bulan sekali. VNQDD dalam mesyuaratnya, Julai, 1928 telah menyeru supaya diadakan perpaduan diantara badan-badan perjuangan kebangsaan yang ada waktu itu termasuklah yang utamanya Parti Rebolusi dan Liga Pemuda Rebolusi Vietnam (LPRV) Malangnya tidak terjalin persahabatan yang konkrit antara badan-badan ini kerana kelainan ideologi dan sebagainya.

VNQDD pada tahun 1929 telah mempunyai seramai 1,500 ahli dari kira-kira 120 *cells*/cawangan yang kebanyakannya terdapat dikawasan Delta Sungai Merah (Tonking).

Sewaktu kenaikan VNQDD, penjajah Perancis juga semakin giat melaksanakan eksploitasi ekonomi. Kerajaan penjajahan telah menjalankan monopoli dalam perniagaan candu, garam dan arak dan ini semuanya menambah kegelisahan dan kemarahan rakyat kerana monopoli ini mengujudkan kesusahan dari segi kewangan dan ketidak-adilan sosial. Tenaga buruh juga semakin memberatkan rakyat. Cukai juga tinggi. Semuanya menjadi semakin buruk apabila berlaku kemelesetan ekonomi dunia pada 1929 dan berterusan hingga 1933.

Dalam keadaan ini VNQDD telah ditolak dan ditarik kehadapan untuk memperjuangkan keadaan buruk yang dialami rakyat. Pembunuhan Bazin (penguasa

bahagian kerahan tenaga buruh) pada tahun 1929 telah dikaitkan dengan peranan VNQDD. Bermula dari sini, sikap curiga Peranchis terhadap VNQDD yang bertukar kepada sikap permusuhan.

VNQDD tidak dapat mengelak diri lagi lantas berterang-terangan menentang Peranchis dengan menggunakan kekerasan. Pada 1930 berlakulah peristiwa yang dikenal sebagai "Yen Bay Revolt" (Pemberontakan "Yen Bay") Peristiwa ini berlaku kerana adalah menjadi harapan VNQDD supaya dimulakan pemberontakan/penentangan terhadap Peranchis dengan penentangan pegawai-pegawai askar Vietnam yang berada di Yen Bey dan Son Tay serta Lao Cay. Semuanya akan memberontak serentak dan kemudian diikuti oleh cawangan-cawangan VNQDD lainnya. Malangnya, Yen Bay sahaja yang berhasil memberi kesan keatas pihak Peranchis, manakala lain-lainnya tidak memberi kesannya.

Kegagalan VNQDD, dapat dikatakan sebagai badan yang menjadi wakil peringkat peralihan dari corak perjuangan Phan Boi Chau (anti-penjajahan) dengan corak perjuangan nasionalisma yang relatifnya moden ditahun-tahun 1930an, dan yang menuju kepada ideoloji kiri.

Ianya (VNQDD) masih tidak begitu berjaya membawa penglibatan massa/rakyat jelata berjuang bersama dalam badan itu dan terhad pula pusat gerakannya kerana tidak mempunyai cawangan dan sokongan di luar negeri.

Sungguhpun VNQDD sedar tentang konsep sosialisma dan mahu meniru corak perjuangan Sun Yat Sen (Koumintang), tetapi VNQDD tidak pula berminat untuk mengamalkan polisi Sun Yat Sen dalam soal "rebolusi tanah" dan tidak pula berjuang untuk kalangan petani (menjadi *champion of the peasants*). Oleh itu VNQDD masih dapat dikatakan sebagai pergerakan dibandar. Maka itulah sebabnya VNQDD tidak begitu aktif seperti Liga Pemuda Rebolusi Vietnam yang menggantikannya. Lemahnya VNQDD juga disebabkan ia tidak mendapat sokongan dari kelas-kelas saudagar pelabohan dan tidak punya objektif yang muktamad untuk rupa masyarakat masa depan yang hendak dibentuknya.

## LIGA PEMUDA REBOLUSI VIETNAM

Badan yang membawa ideoloji komunis di Vietnam.

Pada tahun 1924, Ho Chi Minh (Nguyen ai Quoc) pulang dari Peranchis dan singgah di Canton, tempat tinggal pelarian-pelarian politik Vietnam ketika itu. Di Canton, Ho telah mengatur dan mengadakan perhubungan dengan orang-orang pelarian politik itu. Ho juga mengadakan perhubungan dengan kumpulan Tam Tam Xa (Heart-to-Heart Association), satu persatuan rebolusionari yang ditubuhkan pada tahun 1923 oleh Le Hong Phong (Le Hong Phong yang kemudiannya menjadi Setiausaha Agung kepada Indochinese Communist Party/ICP dari 1935-39), yang juga sedang berusaha menyatukan semua gerakan penentangan Vietnam kedalam satu pertubuhan. Atas hasrat inilah Tam Tam Xa telah diubahkan menjadi Liga Pemuda Rebolusi Vietnam (Vietnam Thanh Nien Cach Menh Dong Chi Hoi/LPRV., atau ringkasnya disebut Thanh Nien) dalam tahun 1925. LPRV merupakan pertubuhan pertama *Marxist* di Indo-China yang sebenar-benarnya, tetapi tidak *formal*. Badan ini dijadikan asas bagi melatih pemuda-pemuda Vietnam tentang ajaran-ajaran Marxist dan ia merupakan:

"... a transitional stage leading to the founding of a Communist Party, the Communists within the League being organized into "Communist groups" which would prepare for the setting up of a Communist Party in Vietnam."<sup>25</sup>

Ho Chi Minh masih enggan menubuhkan sebuah parti komunis di Vietnam, buat sementara waktu itu kerana ia yakin tindakan seperti itu belum tiba masanya disebabkan oleh, "... no one yet understood the meaning of the word communism and where ... the working class was still infinitesimal."<sup>26</sup> Oleh hal yang demikian maka penubuhan LPRV merupakan langkah awal bagi pihak komunis untuk persiapan melancarkan rebolusi kebangsaan melalui "united front" (barisan bersatu) gulungan-gulungan anti-imperialisma di Vietnam.

LPRV ini dikawal/digerakkan oleh sebuah jawatan kuasa pusatnya yang pada mulanya bertempat di Canton sehingga tahun 1927 — dan menerbitkan akhbar mingguan rasminya Thanh Nien (1925-1927). Badan ini mengambil belia-belia Vietnam menjadi anggotanya. Mereka diberi latihan disekolah-sekolah latihan Parti Komunis China dan Parti Koumintang yang terletak dikawasan China Selatan seperti di "Communist Party Peasant Seminar", Universiti Sun Yet Sen dan disekolah-sekolah tentera seperti di Whampoa. Ho sendiri mengajar pemuda-pemuda itu diibu pejabatnya. Pemuda-pemuda itu diajar mengenai kapitalisma, sejarah gerakan pembebasan Asia, falsafah-falsafah Ghandhi dan Sun Yet Sen, anarchisma, Marxisma, Leninisma, rebolusi Bolshevik, *dialectical materialism*, hal-hal berhubung pertubuhan Komunis Antarabangsa (Commintern); dan Ho Chi Minh sendiri mengajar teknik-teknik rebolusi seperti yang diperolehi dari University of the Toilers of the East. Buku Ho, *The Road of the Revolution*, menjadi tatapan pemuda-pemuda itu. Pergerakan mereka berupa aktiviti rahsia dan mana-mana ahli yang tidak setia, Ho dengan helah akan memberi nama-nama pembelot itu kepada pengetahuan pihak polis Perancis. Cara ini sangat berkesan bagi Ho memberi keutuhan dan kekuatan perjuangan LPRV. Malah Ho sangat berhati-hati dalam usaha perjuangannya sehingga pada tahun 1925/6 beliau sanggup menipu nasionalis utama, Phan Boi Chau, sehingga Phan ditangkap oleh Perancis dan beliau (Ho Chi Minh) bagi pihak LPRV menerima 150,000 piasters (wang Indo-China) atas bantuannya itu dari pihak kerajaan. Sungguh pun tindakan beliau itu merugikan tetapi memberi sebab-sebab:

- i. Tertangkapnya Phan Boi Chau bermakna membuka bersih jalan aktiviti komunis.
- ii. Wang pampasan itu boleh digunakan untuk aktiviti komunis.
- iii. Penangkapan, pembunuhan keatas Phan Boi Chau akan menaikkan kemarahan orang Vietnam — maka ini akan menambah azam untuk menentang penjajahan rakyat Vietnam.<sup>27</sup>

Dari itu maka Ho Chi Minh berjaya menambahkan ahli, azam dan tugas LPRV terutamanya dalam menambah anggota-anggota mudanya.

<sup>25</sup>N. Khac Huyen, *Vision Accomplished, the enigma of Ho Chi Minh*, The Macmillan Company, New York, 1971, h. 26.

<sup>26</sup>Duiker, "The Revolutionary Youth League: Cradle of Communism in Vietnam," *China Quarterly*, Nos: 49/52, h. 479.

<sup>27</sup>N. Khac Huyen, *op.cit.* h. 28.

Pada penghujung tahun 1925 rekrut-rekrut LPRV telah dihantar balik ke Vietnam untuk melakukan kegiatan mereka. Mereka menubuhkan jawatan-kuasa LPRV Bahagian Tonking, Annam dan Cochinchina serta diperingkat daerah dan ranting. Mereka juga menyeludup dan menubuhkan sel-sel pergerakan dikalangan pengusahaan perdagangan, kilang-kilang, ladang-ladang getah dan sekolah-sekolah untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan dan mengembangkan faham komunis. Tidak seperti pergerakan-pergerakan nasionalis sebelumnya, LPRV memutuskan untuk berjuang dikalangan rakyat (bawahan) jelata terutamanya golongan proletariat dan tani, yakni mereka yang paling ditindas dan terpencil dalam masyarakat. Sementara itu LPRV juga mencari jalan untuk menarik persatuan-persatuan lain bergabung dengannya seperti arahan yang dibuat oleh pihak Comintern. Usaha bergabung ini, menubuhkan barisan bersatu, tidak dapat diwujudkan sepanjang usia LPRV. Walau bagaimanapun dalam lain-lain aktiviti LPRV berjaya sehingga atas peransang-peransang LPRV beberapa mogok-mogok dikalangan pekerja-pekerja dapat diadakan.

Pada penghujung tahun 1920an, LPRV menghadapi perpecahan akibat dari krisis bentuk perjuangan. Dalam Kongres Pertama LPRV di Hong Kong, 1hb. — 9hb. Mei, 1929, wakil-wakil LPRV dari Tonking telah menarik diri dari Kongres dan kemudiannya keluar dari LPRV. Puncanya kerana LPRV Pusat dan majoriti wakil ke Kongres itu mahu menjalankan pergerakan mereka bertopengkan nasionalisma sebelum berterang-terangan sebagai komunis, manakala wakil dari Tonking mahu supaya LPRV bersikap sebaliknya, yaitu mahu supaya Parti Komunis Indo-China diwujudkan segera. Keengganan LPRV Pusat ini dituduh oleh wakil-wakil dari Tonking, LPRV itu sebagai kumpulan rebolusi yang palsu dan tidak membawa usahanya kearah perjuangan rakyat jelata. Sekembali sahaja wakil Tonking ke Vietnam mereka pun menubuhkan "Indo-chinese Communist Party" (Parti Komunis Indo-China/Dong Duong Cong San Dang), Jun, 1929, di Vietnam Utara. Parti Komunis Indo-China ini mendapat sambutan hangat dari rekrut-rekrut LPRV Tonking, bekas-bekas ahli Parti Rebolusi Vietnam Baru (Tan Viet Cach Mang Dang) yang ditubuhkan pada 1925; dan ahli-ahli dari Parti Harapan Pemuda (Cao Vong Thanh Nien Dang) yang ujud pada 1927. Parti Komunis Indo-China ini dengan cepat menjadi tandingan yang hebat kepada LPRV, terutamanya dalam mendapat ahli dan menerima akuan dari Comintern.

Menyedari saingan hebat dari Parti Komunis Indo-China ini, maka LPRV sendiri kemudiannya menubuhkan Parti Komunis Annam (ACP) untuk menjamin supaya ahli-ahlinya tidak memihak kepada Parti Komunis Indo-China (ICP), pada tahun 1929. Persaingan hebat ICP dan ACP telah menyedarkan sebuah lagi organisasi komunis, Tan Viet (Parti Rebolusi Vietnam Baru) mengumpulkan ahli-ahlinya dikawasan tengah dan selatan Annam kedalam sebuah parti yang baru bernama Indochinese Communist League (ICL/Liga Komunis Indo-China). Ketiga-tiganya, ACP, ICP dan ICL berusaha mengalahkan lawan mereka dan mendabik dada mengatakan dia sahaja yang sebenarnya berjuang untuk kebebasan-komunisma.

Perpecahan ini jika dibiarkan akan melemahkan seluruh perjuangan komunis di Vietnam, oleh itu Ho, atas arahan Comintern, berusaha menyatukan ketiga-tiga badan yang sedang bercakaran itu. Pada tahun 1930, Ho telah menganjurkan satu perjumpaan di Kowloon, Hong Kong, Konferen Penyatuan. Konferen ini berjaya menyatukan ACP, ICP dan ICL kedalam Viet Nam Cong San Dang (Parti

Komunis Vietnam). Beberapa bulan lepas itu nama ini ditukar kepada Parti Komunis Indo-China (Dong Duong Cong San Dang) untuk menyesuaikan cita-citanya yang lebih luas, tidak sahaja keatas Vietnam tetapi melibatkan seluruh Indo-China. Kekuatan yang baru terjelma ini, berikutan pula dengan keadaan keburukan meleset dunia (1929-31), Parti Komunis Indo-China seperti juga VNQDD, menjalankan tentangan eksterim. Walau bagaimanapun Parti Komunis Indo-China sentiasa berawas, tidak seperti VNQDD, dengan banya menjadi penggalak kepada penentangan petani-buruh apabila pihak Peranchis mulai mengambil tindakan keras membentras. Dalam hal inipun Parti Komunis Indo-China mempunyai muslihat seperti:

- i. Ia merasa dirinya belum cukup kekuatan. Hanya cukup baginya sebagai dalang (agitator) kepada penentangan-penentangan.,
- ii. Tindak balas Peranchis kepada penentang-penentang akan menambah kemarahan rakyat yang sudah kemudiannya dieksploit olehnya.
- dan iii. VNQDD akan jadi lemah dengan tindak balas Peranchis — dan ini membuka jalan baginya menguasai seluruh perjuangan nasionalisma.

Dibeberapa tempat seperti diwilayah Nghe-An dan Ha-Tinh, oleh kerana jauh dari pentadbiran pusat Peranchis dan telah ditinggalkan oleh pentadbir-pentadbir Peranchis, maka Parti Komunis Indo-China menguasainya. Sungguhpun tadi di katakan parti ini tidak mahu bertentang secara terbuka, tetapi wilayah ini mereka ambil kerana mahu menjadikannya tempat ujian konsep kebangsaan mereka. Beberapa Mini-soviets (Xo-viet) ditubuhkan untuk para petani kawasan itu. Beberapa pemulehan telah mereka laksanakan dan konsep kerajaan/kebangsaan mereka dipraktikan sehinggalah Peranchis berjaya mengambil balek kawasan itu. Akibat dari menjadikan wilayah itu sebagai Xo-viet ujian, kira-kira 50,000 orang yang disyaki terlibat telah ditangkap, dipenjara atau dibuang kepulauan-pulau, manakala 10,000 orang lagi terbunuh oleh tindakan Peranchis. Tindakan kerajaan kolonial Peranchis ini telah melemahkan gerakan-gerakan komunis di Vietnam untuk sementara waktu dan juga menyebabkan terputusnya hubungan dengan pihak Comintern. Keadaan ini bertambah buruk lagi berikutan dengan penangkap Ho oleh polis British di Hong Kong, Jun, 1931.

Bermula dari tahun 1932, pusat kegiatan yang baru bagi nasionalis dan komunis Vietnam ialah dibahagian selatan (di Cochinchina). Dibandar ini dasar Peranchis agak liberal dan kegiatan politik rakyat yang tidak eksterim diberikan kebenaran bergerak. Peluang ini digunakan oleh komunis untuk mengumpulkan semula anggotanya yang bertaburan dan tidak tersusun lagi gerakan mereka. Kepulangan Tran Van Giau dari Moscow pada 1932 memberi kepimpinan baru untuk kegiatan komunis. Beliau telah memberi tenaga baru dengan kempen melalui majalah dan akhbar, Co Do (Red Flag) dan Tap Chi Cong San (Communist Review) dan mengatur para komunis kedalam Liga Anti-Imperialis. Dengan ini Komunis sekali lagi memainkan peranan yang penting tetapi dengan cara yang agak berlainan sedikit, iaitu tidak kekerasan tetapi dengan menggunakan desakan dan mata pena. Apabila Ta Thu Thau, seorang Trotskyist pulang dari Peranchis dan menubuhkan persatuan Trotskyists, maka Tran Van Giau dan ahli-ahli komunis (komunis Stalinists) telah bersatu tenaga. Mereka cuba menubuhkan sebuah parti (kesatuan) politik yang sah. Walau bagaimana pun gabungan ini tidak kekal lama kerana berlaku kemudiannya percubaan populariti dalam mewakili kesatuan mereka kedalam pemerintahan kerajaan penjajah waktu itu.

Sementara itu, pergerakan komunis dilain-lain kawasan Indochina bergerak dengan lemah dan lebih berhati-hati dengan tidak menggalakkan kekacauan yang

memungkinkan sekali lagi mereka ditekan. Satu daripada langkah berjaga-jaga mereka ialah untuk menyelamatkan seberapa ramai rekrut-rekrut mereka yang berharga dengan menyeludupkan mereka ke Negeri China. Selain dari itu mereka bekerjasama dengan para nasionalis dan burjuis untuk menarik rekrut-rekrut baru serta menyamar didalam kegiatan pihak lain. Misalnya di Tonking, komunis bergerak di sebalik Barisan Demokratik Indo-china. Beberapa tahanan politik telah dibebaskan pada tahun 1933 setelah menjalani hukuman atau ampunan diberikan. Kebanyakan mereka lebih revolusioner daripada sebelum di tahan kerana semasa didalam tahanan, propaganda yang intensif dijalankan secara sulit.

Penundaan perhubungan dengan Comintern ketika itu tidak mengecewakan Parti Komunis Indochina. Malah mengelakkannya daripada kesulitan seperti yang dialami oleh Parti Komunis Indonesia. Mereka dapat cuba hidup diatas keupayaan mereka sendiri. Komunis Vietnam menjalankan polisi dan jadual rancangan bersesuaian dengan keadaan sebenar di Indochina. Mereka merombak dan menubuhkan semula gerakan sebagai satu barisan buruh, petani dan nasionalis. Ahli-ahlinya terus bertambah dan pengaruhnya dikalangan petani terlalu kuat. Namun begitu, mereka mengadakan hubungan luar melalui pelaut-pelaut Vietnam dimana kapal-kapal mereka berlabuh di pelabuhan-pelabuhan Nanking, Shanghai dan Hongkong.

Dalam persidangan di Macao pada tahun 1935, dengan resminya disambung semula hubungan Parti Komunis Indochina dengan Comintern. Comintern telah menetapkan polisi 'Barisan Bersatu' dimana Parti Komunis Indochina diarahkan bekerjasama dengan parti-parti non-Komunis demi mementang faham Facist yang sedang membangun. Konsep 'Barisan Bersatu' tidak bertentangan dengan dasar kerajaan Peranchis di Vietnam ketika itu, yang berada dibawah arahan Kerajaan Popular Front yang baru berkuasa di Peranchis. Pada tahun 1936, Parti Komunis Vietnam yang bekerjasama dengan kerajaan itu menumpukan tindakan kepada tuntutan supaya dibaiki keadaan buruh.

Sementara itu, Kerajaan Popular Front Peranchis mengumumkan polisi penyusunan semula untuk tanah-tanah jajahan. Menteri Merius Montet antara lain mengucapkan, "... petani sekoi dan kacang tanah yang berkulit hitam (orang Afrika) dan penanam padi dan getah yang berkulit kuning (orang Indo-china) adalah bersaudara dengan pekerja-pekerja kita ... dan petani pro Peranchis menempatkan mereka semua dalam keadaan persamaan moral, keadilan sosial dan persaudaraan manusia ... kita, tanpa perbezaan faham, menafikan langsung penglibatan republikan atau sosialis kita... dan selepas 3 tahun dalam gerakan politik dan sosial untuk kebaikan pekerja-pekerja, teutama penduduk-penduduk jajahan akan mengambil alih peranan kita sebagai pembaharu dan pembebas yang *serious*.<sup>28</sup>

Kerajaan Popular Front Peranchis seterusnya mengistiharkan pengampunan tahanan politik. Didorong oleh kehendak kepada konsesi yang lebih banyak nasionalis dan komunis melancarkan pemogokan. Peranchis bertindak dengan menghantarkan satu badan penyiasatan ke Saigon. Menteri Montet telah menghantarkan telegraf kepada pegawai resmi di Saigon, antara lain beliau mengatakan "... untuk mengekalkan ketenteraman umum awak boleh gunakan segala cara yang sah dan terhak; walaupun dengan pembunuhan mereka-mereka yang cuba

<sup>28</sup> Hammer, E.J. *op.cit.*, p. 91.



menimbulkan huruhara jika ini ternyata perlu... bagi memperbaiki keadaan politik dan ekonomi adalah tujuan kami... arahan Peranchis tetap berkuasa di Indochina seperti dilain-lain tempat.<sup>29</sup>

Jawatankuasa Tindakan Sementara di Saigon telah menganjurkan pemogokan kesatuan-kesatuan sekerja yang sah dan membaiki keadaan kerja. Gulungan Stalinists dan Trotskyists sangat aktif dalam jawatankuasa ini. "Struggled Group (golongan yang pro-gabungan Trotskyist & Stalinists) mengalami perpecahan apabila kumpulan Trotskyists seratus peratus bekerjasama dengan Kerajaan Popular Front dan mulai bercantum dengan "October Group" (Golongan anti Gabungan Trotskyist dan Stalinists. Mereka juga menuduh Parti Komunis Vietnam (yang bekerjasama dengan Kerajaan Popular Front) menindas rakyat untuk kepentingan Parti Komunis Peranchis dan Kerajaan Soviet.

Tetapi, gerakan komunis dan Kerajaan Popular Front tidak juga panjang usianya. Sebelum kejatuhan kerajaan ini pada tahun 1938, Ta Thu Thau (Trotskyists) telah dipenjara dua tahun kerana artikelnya 'The Popular Front of Treason' dianggap sebagai menderhaka dan ini melemahkan Trotskyists. Berikutan dengan perjanjian Stalin-Hitler, Peranchis mengharamkan pula Parti Komunis negaranya dan tindakan tegas diambil juga keatas Komunis di Indochina. Kira-kira 2,000 Stalinists dan Trotskyists dipenjara dan Parti Komunis Vietnam turut diharamkan.

Tetapi kali ini, komunis tidak menderita kekalahan teruk seperti dalam tahun-tahun 'The Years of Terrors' (1930-31). Mereka hanya kehilangan pemimpin-pemimpin yang bergerak secara sah buat sementara waktu, tetapi pergerakannya masih belum gagal. Sel-sel sulitnya masih tidak terusik dan petani-petani masih bersimpati dan teguh berdiri dibelakang perjuangannya. Dalam masa yang sama, perubahan dalam polisi Comintern menyebabkan Parti Komunis Vietnam membatalkan kerjasamanya dan mulai menjalankan gerakan sabotaj dibawah tanah. Ini dimulakan apabila Peranchis tidak berupaya mempertahankan Indochina, sementara Jepun telah menaaluki sebahagian daripada Vietnam.

Dalam tahun 1940, komunis melakukan percubaan akhir untuk menggulingkan Peranchis dengan menyeru rakyat berjuang untuk menubuhkan rejim republikan yang sejajar dengan Soviet Union. Rancangan ini dapat dikesan oleh Peranchis dan telah dipatahkan sebelum sempat ia dilancarkan. Pemimpin-pemimpin komunis telah meminta perlindungan di Negeri China. Disini mereka menyertai beberapa orang pemimpin nasionalis yang diketuai oleh Ho Chi Minh sekali lagi. Ho muncul sebagai pegatur gerakan nasionalisma Vietnam. Pada tahun 1941 dalam satu perjumpaan Jawatankuasa Pusat partinya dilahirkan Viet Nam Doc Lap Dong Minh Hoi atau Liga Kemerdekaan Vietnam. Kemudiannya dikenali sebagai Vietminh, yang merangkumi organisasi nasionalis.

Dalam membicarakan sejarah Vietnam moden, akan timbul soalan: mengapakah parti komunis mendapat penagaruh yang begitu besar dikalangan para intelek, petani dan pekerja? Soalan yang sama juga timbul: mengapakah pula gulungan nasionalis dan non-komunis gagal untuk mendapatkan cukup sokongan bagi menghalang komunis daripada mengambil-alih puncak pimpinan nasionalisma menentang penjajah? mengikut J. Buttinger "Adalah sia-sia mengatakan bahawa parti komunis

<sup>29</sup> Hammer, *op.cit.*, h. 91.

mempunyai pemimpin yang berkebolehan kerana para nasionalis yang lain juga berkebolehan, tidak kurang dedikasi mereka.<sup>30</sup> Kekuasaan komunis adalah berlandaskan kepada keadaan ekonomi, sosial dan politik yang kompleks khususnya pada negara Vietnam sendiri. Satu sebab mengapa komunis lebih *superior* ialah kerana mereka berlatih dalam kegiatan revolusi bawah tanah dan mempunyai perancang-perancang strategi politik bagi tindakan-tindakan besar yang berkalibar.

Sebab yang lain, komunis faham akan image yang bagaimanakah yang hendak ditunjukkan iaitu anti-penjajah dan semangat kebangsaan. Mereka sedar hanya dengan memiliki kadar fahaman kebangsaan yang tinggi dari lain-lain pertubuhan, membolehkan mereka menjadi pemimpin bagi semua pergerakan menuntut kemerdekaan. Ideologi komunis adalah membayangkan kehendak rakyat dari semua lapisan seperti kata-kata Ho Chi Minh, "...to the workers, rice fields to the peasants, sources of revenues to the people and power to assemblies of representatives of all the working classes of the nations",<sup>31</sup>

Komunis berpendapat, kemerdekaan adalah hasil daripada kesungguhan usaha yang berterusan oleh rakyat. Rakyat hanya dapat dilibatkan dalam perjuangan kemerdekaan jika itu tidak diperjuangkan sebagai tujuan yang berasingan tetapi sebagai sebahagian daripada *issue* yang menyentuh tentang kepentingan mereka. Oleh itu, komunis berbicara tentang "pentingnya diturunkan cukai, pembahagian tanah kepada yang tidak memiliki tanah, keadaan kesihatan buruh dan petani, hak menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja",<sup>32</sup> Mereka tahu, petani dan buruh perlu ditunjukkan bahawa perjuangan komunis benar-benar faham akan masalah dan kesukaran yang mereka hadapi. Adalah menjadi kelemahan utama semua pertubuhan non-komunis kerana tidak memahami akan perhubungan ini.

Menurut Lancaster, "komunis mendapat sokongan rakyat kerana penubuhannya bersairing dengan zaman kemelesetan dalam tahun-tahun 1930an. Keadaan ini memuncakan pengangguran besar-besaran, hasil pertanian kurang dan menyebabkan kebuluran,<sup>33</sup> sedangkan Perancis biasa mengekspot beras keluar negeri. Dalam keadaan begini, petani dan buruh senang dipengaruhi dengan janji-janji pembaharuan tanah dan hak-hak yang sama untuk mereka.

Kejayaan komunis juga disebabkan adanya sokongan moral dan material dari Moscow dan negeri China. Ilham-ilham didatangkan dari luar kepada Parti Komunis IndoChina dibandingkan dengan nasionalis non-komunis yang berjuang secara sendiri-sendiri dan terhad. Keahlian parti-parti non-komunis juga dihadkan kepada golongan-golongan yang tertentu sahaja, seperti golongan intelektual, guru dan penulis. Anggota-anggota begini sebenarnya tidak sanggup berjuang secara gerilla bertahun-tahun didalam hutan dan tidak sanggup berpisah jauh dari kemewahan. Sebaliknya keanggotaan parti komunis terbuka kepada semua golongan. Petani dan buruh menjadi ahli yang sanggup berjuang dalam semua keadaan — dan mereka menjadi ahli parti komunis.

---

<sup>30</sup>Buttinger, *op.cit.*, h. 177.

<sup>31</sup>Hammer, *op.cit.*, h. 80

<sup>32</sup>Hall, *op.cit.*, h. 720

<sup>33</sup>Lancaster, *op.cit.*, h. 82.

Lain-lain sebab mengapa komunis kuat di Vietnam ialah:

- a) Terletak dalam keadaan-keadaan yang kompleks dalam sosial, ekonomi dan politik didalam negeri Vietnam itu sendiri. Apatah lagi apabila semuanya dibentuk oleh unsur-unsur *colonial capitalism*.
- b) Komunis lebih bersedia dalam kepimpinan yang dilatih diluar negeri dan cara pergerakan bawah tanah. Kesediaan begini menyebabkan sukar ianya menjadi lumpuh walaupun ditekan oleh Peranchis berkali-kali.
- c) Political strategy Komunis — pemimpin dan ahli benar-benar faham apakah bentuk perjuangan yang sesuai untuk dibawa atau didakyahkan. Oleh sebab banyak kegelisahan ekonomi maka soal ekonomilah yang menjadi dakyah utamanya. Oleh itu, maka ramai petani dan marhein/boroh menjadi penyokongnya.

Sehingga tibanya perang dunia kedua, walaupun Parti Komunis telah berjaya mencetuskan Vietnam, tetapi pergerakan-pergerakan yang dilakukan sebelum dan sesudah itu menampakkan kegagalan untuk mencapai apa-apa perubahan atau *reform* pentadbiran dan politik. Peranchis sentiasa tidak melayan nasionalisma Vietnam dan menekan dengan kekuatan tentera, membentras kebangkitan-kebangkitan bersenjata Vietnam. Sikap begini mencetuskan azam penentangan rakyat Vietnam sebaik sahaja tamat perang dunia kedua sehingga tumpas juga kuasa penjajahan yang menafikan "kesenangan" mereka.